Apakah jenis-jenis data yang kami kumpul?

Maklumat anda yang mungkin kami kumpulkan bagi memproses produk dan perkhidmatan anda merangkumi kategori-kategori berikut, namun tidak terhad kepada:

- ❖ **Pengenal Pasti Data/Maklumat Peribadi**

Contohnya, nama, nombor kad pengenalan atau pasport (bagi warga asing) dan maklumat berkaitan yang lain bagi permohonan anda, gambar dan biometrik, spesimen tandatangan (digital atau elektronik atau tandatangan fizikal), tarikh lahir, jantina, bangsa, agama, kewarganegaraan atau pemastautin, status perkahwinan, nama pasangan, bilangan tanggungan.

- ❖ **Data untuk Dihubungi**

Contohnya, alamat kediaman atau perniagaan, e-mel, nombor telefon mudah alih atau tetap, talian kecemasan.

- ❖ **Data Profesional**

Contohnya, tahap pendidikan, pekerjaan dan maklumat majikan atau mana-mana data yang merujuk kepada pekerjaan atau kerjaya individu.

- ❖ **Data Kewangan**

Contohnya, kedudukan kewangan seperti aset dan pendapatan, sumber dana, tujuan pelaburan, pendapatan tahunan, maklumat cukai, nombor akaun, baki akaun, rekod bayaran, transaksi akaun dan data laporan kredit bagi menilai kelayakan kredit

- ❖ **Data Komunikasi**

Contohnya, perbualan langsung, panggilan telefon ke pusat khidmat pelanggan, pesanan atau mesej dan e-mel

- ❖ **Data Perilaku**

Contohnya, pandangan atau pendapat yang dimaklumkan kepada kami melalui maklum balas atau kaji selidik, pertandingan atau peraduan, aktiviti, tabiat, kecenderungan dan minat yang terbit daripada penggunaan produk dan perkhidmatan kami, rakan kongsi atau vendor; kecenderungan semasa melayari laman web kami dan aktiviti-aktiviti transaksi.

- ❖ **Data Lokasi**

Contohnya, alamat IP, kuki, rekod aktiviti, pengenal pasti dalam talian dan data lokasi anda melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kami.

- ❖ **Data Hubungan**

Contohnya, keluarga terdekat, pengarah, hubungan kecemasan, pemegang saham individu, penandatangan berwenang dan penjamin yang boleh mengesahkan identiti anda

Sebagai sebahagian daripada permohonan dan penggunaan berterusan produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin perlu mengumpul maklumat peribadi yang sensitif dan hanya dengan kebenaran anda. Jenis maklumat peribadi sensitif yang mungkin dikumpulkan adalah seperti berikut:

- ❖ **Data keturunan etnik atau bangsa:** Maklumat berkaitan asal-usul bangsa atau etnik anda
- ❖ **Data keagamaan/kepercayaan:** Maklumat berkaitan kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang bersifat serupa
- ❖ **Data biometrik:** Maklumat yang berupaya mengenal pasti anda secara fizikal. Contohnya,

pengimbas wajah, cap jari atau pengecaman suara.

- ❖ **Data Kesihatan:** Butiran mengenai kesihatan dan tahap kecergasan;
- ❖ **Data Rekod Jenayah:** Maklumat mengenai rekod jenayah anda, jika berkenaan.

Bagaimanakah kami mengumpul data anda?

Kami memperoleh data anda dalam pelbagai cara, seperti:

- Apabila anda mendaftar untuk atau menggunakan salah satu daripada banyak perkhidmatan yang kami sediakan atau apabila anda membuka akaun di mana-mana cawangan Kumpulan MBSB.
- Apabila anda menghubungi Kumpulan MBSB melalui pelbagai kaedah seperti borang permohonan, e-mel dan surat, panggilan telefon dan perbualan yang anda lakukan dengan kakitangan di cawangan kami. Jika anda menghubungi kami atau kami menghubungi anda melalui telefon, kami mungkin memantau panggilan telefon bagi tujuan jaminan kualiti, latihan dan keselamatan.
- Daripada analisis kami tentang transaksi anda (contohnya sejarah pembayaran, pembiayaan/pinjaman atau baki deposit, pembelian kad kredit atau debit).
- Kami juga mungkin mendapatkan data anda apabila anda mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan atau apabila anda mendaftar untuk mana-mana pertandingan atau promosi kami.
- Apabila kami memperoleh sebarang data dan data daripada pihak ketiga (contohnya agensi pelaporan kredit, agensi pengawalselian dan penguatkuasaan, majikan, pemegang akaun bersama, penjamin, wakil sah, pasangan, ibu bapa, penjaga, tanggungan dan/atau syarikat-syarikat/perkongsi yang anda memegang jawatan pengarah, pemegang saham atau rakan kongsi).
- Apabila anda membuat sebarang transaksi komersial dengan Kumpulan MBSB, termasuk tetapi tidak terhad kepada barangan dan/atau perkhidmatan atau perkhidmatan profesional yang diberikan oleh anda.
- Daripada sumber yang tersedia secara am.

Data yang kami kumpulkan daripada laman web kami

www.mbsbbank.com

www.midf.com.my

Alamat IP adalah nombor yang secara automatiknya diberikan kepada komputer anda apabila anda mendaftar dengan Pembekal Perkhidmatan Internet. Apabila anda melawat laman web kami, alamat IP anda akan di log secara automatik dalam rangkaian kami. Kami menggunakan alamat IP anda untuk membantu mendiagnosis masalah dengan rangkaian kami, dan bagi mentadbir laman web kami. Dari alamat IP anda, kami dapat mengenal pasti lokasi geografi umum di mana anda mengakses laman web kami. Secara umumnya kami tidak akan menghubungkan alamat IP anda kepada sesuatu yang membolehkan anda dikenal pasti melainkan kehendak undang-undang dan peraturan.

Maklumat tentang Cookies

Cookies merupakan satu elemen data dimana sesuatu laman web boleh dihantar ke pelayar anda, yang kemudiannya disimpan dalam sistem anda. Kami menggunakan cookies di beberapa halaman kami untuk menyimpan pilihan pelawat dan maklumat sesi rekod. Maklumat yang kami kumpulkan kemudiannya digunakan untuk memastikan tahap perkhidmatan yang lebih peribadi bagi pengguna kami. Anda boleh melaraskan tetapan pada pelayar anda supaya anda akan diberi

notis apabila anda menerima sebarang cookies. Sila rujuk kepada dokumentasi pelayar anda untuk menyemak jika cookies telah diaktifkan pada komputer anda atau memohon untuk tidak menerima sebarang cookies.

Apakah tujuan memproses data anda?

Hasrat menggunakan maklumat anda adalah khusus untuk menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda sebagai pelanggan dan berbentuk hubungan antara anda dengan kami. Tujuan kami memproses maklumat anda mungkin merangkumi sebahagian atau semua yang berikut tetapi tidak terhad kepada:

❖ Penawaran produk dan perkhidmatan kami kepada Anda

ia termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Pembukaan Akaun.
- Melakukan Penilaian Wajar/Kenali Pelanggan Anda dan/atau Penilaian Wajar Pelanggan yang Dipertingkatkan seperti yang termaktub oleh undang-undang.
- Menilai kelayakan, merit dan/atau kesesuaian permohonan anda.
- Penilaian dan analisis termasuk kredit / pinjaman / pembiayaan / risiko insurans / penarafan tingkah laku / analisis produk / Pemprofilan Risiko Anti-Pengubahan Wang Haram (AML) dan kaji selidik pasaran
- Penilaian kesesuaian untuk menjadi penjamin.
- Melaksana dan memelihara semakan kredit dan kewangan seperti yang ditentukan oleh undang-undang dan peraturan.
- Penilaian dan penetapan had kredit.
- Mendapatkan sebut harga, membantu permohonan dan berinteraksi dengan rakan niaga strategik yang disyorkan bagi pihak pelanggan bagi tujuan penjenamaan bersama serta produk dan perkhidmatan pihak ketiga lain seperti insurans dan produk pengurusan kekayaan.

❖ Menguruskan Hubungan Perbankan dan Mentadbir Akaun Anda

ia termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Memudahkan pembukaan akaun anda secara manual dan digital
- Menyediakan akses bersesuaian kepada produk dan perkhidmatan kami. Contohnya perkhidmatan cawangan, dalam talian dan platform mudah alih
- Menyedia, mengurus, menyemak dan menilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda bagi memenuhi tanggungjawab berkontrak yang ada untuk produk dan perkhidmatan kami
- Menguruskan amaun pengumpulan dan pemulihan yang tertunggak daripada anda atau yang dipertanggungjawab kepada anda
- Menjalan dan mengesahkan transaksi serta melakukan transaksi mengikut arahan atau permintaan anda. Contohnya, memindahkan dana antara akaun, membuat pembayaran kepada pihak ketiga dan sebagainya
- Mengekalkan rekod terkini maklumat untuk dihubungi, individu dan senarai penandatanganan sah supaya butiran adalah tepat
- Mentadbir kemudahan kredit dan pembiayaan
- Memantau, mengurus dan memberi maklum balas terhadap soalan atau aduan. Ia meliputi pelbagai platform seperti cawangan, pusat panggilan pelanggan dan media sosial
- Mengeluarkan makluman untuk sebarang perubahan pada terma dan syarat serta ciri-ciri produk dan perkhidmatan kami kepada anda
- Menerbitkan dan menguruskan penyata produk dan perkhidmatan anda bersama kami
- Merekodkan dan menguruskan komunikasi dengan anda untuk tujuan pengemaskinian rekod serta bukti termasuk pesanan dalam talian, e-mel dan/atau telefon dan semua saluran komunikasi yang lain.

- Menghubungi anda berhubung produk dan perkhidmatan yang disediakan kepada anda; dan/atau
 - Memastikan amaun keberhutangan oleh/kepada anda dan menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih baik untuk anda
- ❖ **Menambah baik produk dan perkhidmatan kami untuk Anda**
Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Membangun, menganalisis rekaan dan menguji produk dan perkhidmatan kami untuk kegunaan anda
 - Menjalankan kaji selidik pasaran dan tinjauan kepuasan Pelanggan
 - Mengawasi dan merekod komunikasi kami dengan anda untuk tujuan latihan dan kawalan kualiti; dan/atau
 - Melalui penggunaan produk dan perkhidmatan kami, data seperti kecenderungan dan analisis demografik dikumpul untuk membolehkan kami menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih sesuai untuk anda
- ❖ **Operasi Perniagaan kami**
Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Menjalankan aktiviti pengurusan kredit sewajarnya, termasuk mengekalkan sejarah kredit untuk rujukan semasa dan akan datang, pemakluman kepada biro kredit, agensi rujukan kredit serta penilaian berterusan kelayakan kredit dan semakan kredit;
 - Bagi mencegah dan mengenal pasti jenayah kewangan (termasuk dan tidak terhad, tentang pengubahan wang haram, sekatan dan pencegahan penipuan, pengesanan dan pendakwaan) seperti menjalankan pengesahan identiti, saringan keselamatan melalui pangkalan data kerajaan dan berpusat rasmi yang lain sebagaimana termaktub oleh undang-undang;
 - Mewujudkan dan mengekalkan model penilaian kredit untuk pelanggan kami;
 - Menguruskan pengesanan dan akses pengguna pelanggan kami seperti perbankan Internet dan mudah alih;
 - Melakukan semakan pekerjaan dengan pegawai yang diberi kuasa untuk memberi pengesanan sewajarnya dalam organisasi anda;
 - Membantu bank-bank dan pihak ketiga lain dalam mendapatkan kembali dana yang telah tersalah bayar ke akaun anda; dan/atau
 - Audit operasi perniagaan dan pengurusan operasi. Contohnya, audit ke atas kawalan dalaman dan kewangan, pembangunan dan pengujian sistem, perancangan perniagaan dan membuat keputusan, aktiviti pengurusan risiko termasuk pengawasan portfolio kewangan, pelaporan dan tugas-tugas pentadbiran produk dan perkhidmatan
- ❖ **Mengekalkan Keselamatan Anda**
Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Menggunakan rakaman pengawasan CCTV di premis dan terminal layan diri kami untuk tujuan mencegah, mengesan, menyiasat dan melaporkan insiden, kecemasan dan jenayah seperti kecurian dan penipuan
 - Keselamatan sistem dan rangkaian kami memastikan data anda selamat dan sulit
 - Menjalankan pengesanan identiti sebelum memberi akses kepada produk dan perkhidmatan
 - Mengeluarkan makluman untuk tujuan mewujudkan kesedaran seperti pemalsuan dan penipuan
- ❖ **Pematuhan kepada Undang-undang Terpakai, Peraturan dan Keperluan lain**
Ia termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- Undang-undang setempat sedia ada dan/atau akan datang sewajarnya, peraturan, syarat, arahan, pertimbangan atau keputusan mahkamah, permintaan, panduan, sekatan

- tempatan atau antarabangsa, larangan, keperluan pelaporan serta sekatan dalam dan luar Malaysia; dan/atau
- o Memenuhi atau mematuhi polisi dan prosedur Kumpulan MBSB.

❖ **Melaksanakan Hak Perundangan Kumpulan MBSB dan Menjalankan Prosiding Perundangan**

Bagi melindungi kepentingan Kumpulan MBSB dan tujuan sampingan lain dan/atau tujuan berkaitan menguatkuasakan hak guaman kami dan/atau mendapatkan nasihat guaman dan/atau proses perundangan lain.

❖ **Permohonan Pekerjaan dengan Kumpulan MBSB**

Berkenaan dengan permohonan kerja di dalam Kumpulan MBSB, kami mungkin mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga bagi tujuan pengesahan atau mendapatkan maklumat tambahan mengenai anda, ia termasuk tetapi tidak terhad kepada institusi pendidikan, majikan semasa dan bekas majikan, serta agensi rujukan kredit yang berkenaan.

Dengan syarat persetujuan anda tidak ditarik balik, kami mungkin dari semasa ke semasa, berkongsi data anda dengan entiti lain yang berkaitan dengan Kumpulan MBSB, ejen-ejen kami atau rakan kongsi strategik dan pihak ketiga lain ("entiti lain") sebagaimana yang diperlukan Kumpulan MBSB dan anda mungkin menerima komunikasi pemasaran daripada kami atau daripada entiti lain mengenai produk dan perkhidmatan yang menarik minat anda. Sekiranya anda tidak mahu menerima sebarang komunikasi pemasaran, sila maklumkan kepada kami untuk menarik balik kebenaran anda dan segala pemprosesan dan perkongsian data dengan entiti lain bagi tujuan penghantaran komunikasi pemasaran akan kami hentikan.

Anda mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan anda bagi penerimaan bahan pemasaran atau promosi dan/atau komunikasi dengan menghubungi Kumpulan MBSB menggunakan butiran hubungan seperti yang diterangkan dalam "Bagaimana anda boleh menghubungi kami" di bawah. Sila ambil maklum, sebaik sahaja kami menerima pengesahan penarikan balik kebenaran anda bagi tujuan pemasaran atau bahan promosi dan/atau komunikasi, ia mungkin akan mengambil masa sehingga tujuh (7) hari kalendar bagi proses pengeluaran data sebelum ia tertera dalam sistem kami. Oleh itu, anda masih boleh menerima bahan pemasaran atau promosi dan/atau komunikasi dalam tempoh masa ini.

Selain itu, anda boleh meminta Bank untuk berhenti atau mengubah penggunaan data anda dengan membuat permohonan bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, kami mungkin memerlukan maklumat berkenaan untuk berhubung dan menyediakan produk dan perkhidmatan dengan anda serta untuk mematuhi tuntutan perundangan atau kontrak.

Selaras dengan Tataamalan Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) dengan penglibatan dan bantuan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM), anda tidak boleh menarik balik kebenaran untuk Bank memproses maklumat anda:

- ❖ Apabila maklumat itu diperlukan untuk pelaksanaan kontrak antara anda dan Bank;
- ❖ Apabila anda telah menyerahkan maklumat kepada Bank untuk memenuhi permintaan sebelum kontrak (contohnya pada peringkat borang permohonan);
- ❖ Apabila Bank diperlukan untuk mematuhi tanggungjawab perundangan yang tidak berkontrak.

Kepada siapa kami mendedahkan data anda

Walaupun data anda akan dirahsiakan dan dilindungi dengan kawalan yang sewajarnya oleh pihak kami, kami mungkin perlu mendedahkan data anda mengikut asas keperluan yang sepatutnya. Ini adalah perlu untuk menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang berkesan serta mematuhi sebarang keperluan undang-undang dan peraturan serta kewajipan undang-undang kontrak. Sehubungan dengan perkara ini, data anda mungkin didedahkan kepada pihak-pihak berikut:

❖ Ahli Kumpulan MBSB

Mana-mana pegawai, kakitangan, ejen atau pengarah Kumpulan MBSB

❖ Pihak Ketiga yang Disahkan

- Penjaga sah, pemilik akaun bersama, penjamin atau penanggung sebenar/dimaksudkan, pemegang amanah, penama, pelaksana, wakil guaman atau individu diberi kuasa oleh pelanggan kami, sebarang peserta sebenar atau berpotensi atau sub-peserta berkaitan tanggungjawab dalam sebarang penjanjian perbankan, pemegang serah hak, wakil (novates) atau penerima pindahan (atau sebarang pegawai, pekerja, ejen atau penasihat, yang berkenaan)
- Sebarang pihak sekuriti, penjamin atau penyedia cagaran untuk produk dan perkhidmatan anda; dan/atau
- Sebarang individu yang telah diberi kuasa untuk berkongsi data anda.

❖ Pihak Ketiga yang Mengesahkan Maklumat

- Biro kredit atau agensi rujukan kredit (termasuk pengendali pangkalan data berpusat yang digunakan agensi rujukan kredit), penyedia perlindungan kredit, agensi penarafan, agensi pemungut hutang, agensi dan organisasi pencegahan pemalsuan
- Sebarang agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan lain dan mana-mana ejen mereka yang menjalankan semakan pangkalan data pencegahan jenayah kewangan untuk menghalang pengubahan wang haram, keganasan, pemalsuan dan jenayah kewangan lain; and/or
- Sebarang agensi penarafan atau penyedia perlindungan langsung/tidak langsung Kumpulan MBSB.

❖ Penyedia Perkhidmatan Pihak Ketiga Kami

- Penasihat profesional seperti juruaudit, peguam/penasihat undang-undang, dan pakar penilaian harta;
- Penyedia insurans /takaful or broker insurans/takaful;
- Ejen perkhidmatan luar, pedagang, vendor, rakan perniagaan dan ejen perniagaan yang menyokong operasi, pentadbiran dan pemprosesan data;
- Penyedia perkhidmatan teknologi yang menganalisis dan memudahkan penambahbaikan atau peningkatan operasi Kumpulan MBSB atau penyediaan produk dan perkhidmatan;
- Penyedia perkhidmatan profesional seperti penganalisa pasaran, penyiasat forensik dan penasihat Pengurusan;
- Syarikat pengiklanan dan penyedia platform media sosial;
- Penyedia produk pihak ketiga seperti penyedia sekuriti dan pelaburan, pengurus dana dan syarikat insurans/takaful; dan/atau
- Penyedia perkhidmatan pihak ketiga seperti telepemasaran dan ejen jualan langsung dan pusat panggilan.

❖ Rakan Niaga Strategik

- Rakan niaga, rakan jenama bersama atau syarikat-syarikat atau organisasi yang

- o bekerjasama dengan Bank berdasarkan perjanjian berkontrak atau usaha sama lain untuk menyediakan produk dan perkhidmatan pihak ketiga sewajarnya; dan/atau
- o Organisasi kebajikan dan bukan berdasarkan keuntungan.

❖ **Pihak Berkuasa dan Penguatkuasa Undang-undang Kerajaan**

- o Mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pengatur, pentadbir, pengawal selia atau badan kawal selia, mahkamah, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran atau penguasa cukai domestik atau luar negara sebagaimana termaktub dalam undang-undang atau seperti yang diminta oleh pihak berkuasa; dan/atau
- o Badan kawalan sendiri atau industri atau persatuan penyedia perkhidmatan kewangan pihak berkuasa berkaitan.

❖ **Organisasi Perkhidmatan Kewangan lain**

- o Institusi kewangan lain seperti Bank Negara Malaysia
- o Penyedia perkhidmatan bayaran termasuk penyedia dompet mudah alih dan perkhidmatan pembayaran digital, pedagang, syarikat perolehan pedagang, syarikat kad kredit, pemproses bayaran dan ahli persatuan kad, penyedia perkhidmatan pemula bayaran dan instrumen pembayaran berasaskan kad seperti VISA dan Mastercard
- o Sebarang institusi kewangan dan syarikat perolehan pedagang yang anda ada atau bercadang untuk berurusan; dan/atau
- o Penyedia infrastruktur pasaran dan penyedia penjelasan sekuriti.

❖ **Lain-lain Pihak Ketiga**

- o Individu, syarikat, perniagaan atau organisasi sewajarnya yang diwakili atau dibenarkan anda; dan/atau
- o Mana-mana pihak yang dikenal pasti oleh Kumpulan MBSB sebagai rujukan kakitangan.

Sebahagian daripada pihak yang disenaraikan di atas mungkin berada di luar Malaysia, di negara yang mungkin mempunyai undang-undang dan keperluan pematuhan perlindungan data yang berbeza daripada yang terpakai di Malaysia. Sekiranya data peribadi anda dipindahkan ke luar negara, pemindahan tersebut akan dilaksanakan selaras dengan undang-undang yang berkaitan dan dengan perlindungan yang sewajarnya bagi memastikan data anda kekal dilindungi.

Pemindahan Data Peribadi ke Luar Malaysia

Apabila data peribadi anda dipindahkan ke luar Malaysia, pemindahan tersebut akan dilaksanakan selaras dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan serta dengan langkah-langkah perlindungan yang sewajarnya bagi memastikan perlindungan data peribadi anda terus terpelihara, mengikut Seksyen 129 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Langkah-langkah perlindungan ini mungkin merangkumi peraturan korporat yang mengikat, klausa kontrak piawai, atau pensijilan yang diiktiraf. Sekiranya perlu, Penilaian Impak Pemindahan (Transfer Impact Assessment, TIA) juga boleh dijalankan untuk menilai tahap kecukupan perlindungan di negara penerima.

Bagaimana data anda dilindungi?

Keselamatan data anda adalah keutamaan kami. Kumpulan MBSB telah mengambil semua langkah-langkah fizikal, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan data anda selamat dan dirahsiakan. Jika kami mendedahkan apa-apa data anda kepada ejen-ejen yang diberi kuasa kami atau pembekal perkhidmatan, mereka perlu melindungi data yang diberikan kepada mereka dengan sewajarnya. Kami juga memastikan semua pemindahan data rentas sempadan dilaksanakan dengan langkah berjaga-jaga yang munasabah serta usaha yang wajar bagi melindungi data peribadi anda selaras dengan piawaian undang-undang Malaysia.

Berapa lama data anda boleh disimpan?

Maklumat anda diproses bagi apa-apa maksud tidak boleh disimpan lebih daripada tempoh masa yang diperlukan bagi memenuhi tujuan atau yang dikehendaki oleh undang-undang semasa, peraturan dan keperluan dalaman. Seterusnya, data anda akan dipadam dan dimusnahkan secara kekal.

Notis Perubahan kepada Notis Privasi ini

Kami mungkin mengkaji semula dan mengemas kini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dalam undang-undang, perubahan dalam amalan perniagaan kami, prosedur dan struktur, dan perubahan keperluan privasi masyarakat. Jika terdapat perubahan ketara kepada Notis Privasi ini, kami akan memaklumkan kepada anda dengan menyiarkan notis mengenai perubahan tersebut di laman web kami atau menghantar pemberitahuan terus.

Bagaimana anda boleh mengakses / memperbetul / kemaskini data anda?

Kami komited dalam memastikan bahawa data anda yang disimpan oleh kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan dikemaskini. Jika terdapat sebarang perubahan kepada data anda atau jika anda percaya bahawa data anda yang disimpan oleh kami tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskini, sila hubungi kami bagi langkah-langkah mengemaskini.

Anda mempunyai hak untuk mengakses data anda. Jika anda ingin memohon akses kepada data anda, anda boleh menghubungi Kumpulan MBSB menggunakan butiran hubungan seperti yang diterangkan dalam "Bagaimana anda boleh menghubungi kami" di bawah. Kami boleh mengambil langkah-langkah pengesahan identiti sebelum memenuhi permohonan anda untuk akses kepada data anda.

Kebenaran selanjutnya menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010

Menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 ("CRA"), kami akan mendapatkan kebenaran daripada anda untuk memperolehi dan/atau mendedahkan sebarang maklumat kredit (sebagaimana yang ditakrifkan dalam CRA) yang berkaitan dengan anda/syarikat anda daripada dan/atau kepada RAM Credit Information Sdn Bhd, CTOS Data System Sdn Bhd, CCRIS, Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd atau mana-mana sumber yang dianggap sesuai untuk mengesahkan sejarah kredit anda/syarikat anda melalui dan/atau kepada RAM Credit Information Sdn Bhd, CTOS Data System Sdn Bhd, CCRIS, Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd atau mana-mana sumber yang dianggap sesuai di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan, keperluan peraturan atau arahan berhubung dengan anda/permohonan kredit atau transaksi syarikat anda dengan kami.

Proses ini adalah diperlukan untuk tujuan berikut (tetapi tidak terhad kepada) pembukaan akaun, penilaian kredit, kredit/semakan akaun, kredit/pemantauan akaun, tujuan pemulihan bayaran/hutang, penyelesaian pemarkahan, dokumentasi undang-undang dan/atau tindakan yang dibenarkan bagi kontrak atau produk dan perkhidmatan yang diberi.

Kebenaran itu harus digunapakai selagi anda/syarikat anda mengekalkan akaun/pembiayaan/pinjaman/kredit/sebarang urusan niaga dengan Kumpulan MBSB.

Bagaimana anda boleh menghubungi kami?

MBSB Bank Berhad

Anda boleh menghubungi Talian Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di talian 03-2096 3000, atau anda boleh melawat mana-mana cawangan kami, atau kunjungi laman web kami di www.mbsb.com. Bagi pelanggan korporat, anda boleh terus menghubungi Pegawai Pemasaran kami.

Malaysian Industrial Development Finance Berhad

Anda boleh menghubungi kami di talian 03-2173 8888, atau anda boleh melawat mana-mana cawangan kami, atau emel kepada GroupCompliance@midf.com.my.

Kami menyediakan Notis Privasi ini di dalam versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara kedua-dua versi ini, maka versi Bahasa Inggeris akan di gunakan. Sekiranya terdapat percanggahan tentang bagaimana cara kami mengumpul atau menggunakan data anda antara Notis Privasi ini dengan terma-terma dan syarat-syarat khusus produk atau perkhidmatan atau dokumen kontrak anda yang lain, terma-terma dan syarat-syarat khusus produk atau perkhidmatan atau dokumen kontrak anda yang lain adalah terguna pakai.

Jika anda telah memberikan data tentang pihak ketiga kepada Kumpulan MBSB, sila pastikan bahawa anda telah mendapat kebenaran daripada pihak ketiga berhubung dengan pemprosesan dan pendedahan data mereka dan Notis Privasi ini telah diambil maklum oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.